

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	10/5/2021	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Pelaburan TNB rancakkan ekonomi

Bakal menyumbang RM31 bilion kepada KDNK dalam tempoh empat tahun

**KUALALUMPUR**

Tenaga Nasional Bhd (TNB) perlu mempunyai kekuatan kewangan yang diperlukan untuk terus melakukan pelaburan perbelanjaan modal yang besar bagi mengembangkan sistem untuk pertumbuhan dan pembangunan, selain mengekalkan kestabilan dalam pembekalan elektrik negara.

Selain memastikan keselamatan tenaga, TNB akan berada dalam kedudukan baik untuk menyumbang RM31 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dalam tempoh empat tahun bermula 2021, daripada pulangan perbelanjaan modal dari pelbagai projek pembangunan tenaga. Ini termasuk perbelanjaan modal sebanyak RM7.3 bilion pada tahun ini dan unjuran

RM24 bilion hingga 2024.

Pelaburan tinggi sedemikian akan memastikan limpahan manfaat yang meluas kepada ekonomi Malaysia yang kini mengalami kemerosotan, bertukar impak daripada pandemik Covid-19.

Pelaburan berskala besar syarikat tenaga nasional itu akan membantu mewujudkan kira-kira 194,000 jumlah pekerjaan yang amat diperlukan setiap tahun untuk negara ini atau kira-kira 584,000 pekerjaan dalam tempoh 2022-24.

Bagaimanapun, kemampuan keuangannya untuk melakukan pelaburan modal yang besar terletak pada garis panduan Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) yang baharu untuk tempoh kawal selia tiga tahun (RP3) dari 2022-2024, yang kini dicadangkan oleh TNB kepada Suruhanjaya Tenaga (ST).

Antara lain, hasil daripada RP3 akan menentukan jumlah yang dijanjikan diperoleh TNB daripada perniagaan pengagihan dan penghantaran elektrik yang dikawal selia yang sebahagian besarnya terdapat aset TNB (aset yang dikawal selia).



IBR adalah mekanisme penetapan tarif elektrik dengan insentif untuk meningkatkan kecukupan TNB selain menawarkan ketelusan yang lebih baik kepada pelanggan.

Aset yang dikawal selia merujuk kepada aset pengagihan dan penghantaran TNB. Pengawal selia menetapkan kadar pulangan dalaman yang tetap untuk aset ini dan juga memastikan TNB memenuhi petunjuk prestasi utama yang tertentu.

Jika ST menetapkan bahawa TNB perlu mendapat pulangan yang saksama untuk pelaburan

nya, ia akan menempatkan lembaran imbalan TNB pada kedudukan yang lebih baik untuk mendapat pembiayaan yang lebih murah.

Ini bermaksud TNB dapat membuat pelaburan yang diperlukan untuk menaik taraf dan meningkatkan sistem dan infrastruktur grid tenaganya untuk Malaysia yang lebih baik.

Penganalisis berpendapat keputusan ini penting bagi TNB untuk dapat membuat pelaburan yang diperlukan pada masa depan untuk keselamatan dan pembangunan tenaga negara.

berikutan mengabaikan pelaburan dalam elektrik tidak memberi prospek yang baik kepada pertumbuhan negara pada masa depan.

Pengalaman telah menunjukkan pelaburan yang rendah walaupun oleh negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia Selatan telah menyebabkan gangguan tenaga besar-besaran berikutan keruntuhan sistem dan kegagalan dalam menyediakan utiliti tersebut.

Malaysia, terutamanya TNB, perlu mengambil iktibar daripada kegagalan disebabkan pelaburan yang rendah oleh negara-negara maju dan mengambil langkah untuk mencegahnya daripada berlaku, sekali gus memastikan jaminan bekalan tenaga, terutamanya dalam tempoh mencabar ini.

Perkembangan yang positif apabila mendapati bahawa pada Disember 2020, dengan pandemik yang berlarutan, TNB telah mendapat kelulusan ST untuk melanjutkan RP2 hingga 31 Disember 2021 di bawah terma yang adil, dan berunding untuk RP3 bagi tempoh 2022-2024. *-Berrama*